

lokal

(17 September 2021) Metro, p.16

Bernama

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup 18 premis perniagaan termasuk dua hotel yang disyaki menjalarkan aktiviti tidak bermoral selain ia dikendalikan warga asing menerusi Ops Patuh Terhadap Premis-Premis Komersial di sekitar ibu negara yang dilaksanakan dari 1 hingga 15 September lalu.

DBKL dalam kenyataannya semalam memaklumkan premis itu diarah tutup mengikut Seksyen 101(1)(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan pada masa sama pihaknya mengeluarkan 96 notis kompaun atas pelbagai kesalahan dalam pemeriksaan di premis-premis komersial berkenaan.

Menurutnya 14 warga asing yang terdiri daripada empat warga Thailand, empat warga Indonesia dan enam warga Vietnam ditahan kerana terbabit dalam aktiviti tidak bermoral.

Selain itu, 24 warga asing yang terdiri daripada sembilan warga Bangladesh, enam warga Pakistan, empat warga India dan lima



KEGIATAN TIDAK BERMORAL

18 premis 'derhaka'

DBKL keluar arahan tutup operasi, keluar 96 notis kompaun

SEBAHAGIAN premis yang diarah menutup operasi sebelum tindakan sita dikenakan selepas didapati terbabit kegiatan tidak bermoral.

warga Indonesia turut diambil maklumat bagi tujuan dokumentasi kerana mengendalikannya premis perniagaan tanpa kebenaran.

"DBKL turut menyita 29 barangan daripada premis terbabit seperti kamera litar tertutup (CCTV), televisyen, kondom, minyak pelincir,

buku log, monitor, video dekoder dan lain-lain peralatan," menurut kenyataan itu.

Sebanyak 562 premis atau syarikat diperiksa sepanjang

operasi itu membabitkan aktiviti perhotelan, pusat urut, restoran, kedai runcit, pasar raya, kedai barangan am dan lain-lain aktiviti yang sudah



DBKL turut menyita 29 barangan daripada premis terbabit seperti kamera litar tertutup (CCTV), televisyen, kondom, minyak pelincir, buku log, monitor, video dekoder dan lain-lain peralatan"

DBKL

dibenarkan beroperasi dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Menurut DBKL, lapan notis kompaun dikeluarkan menerusi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) atas pelbagai kesalahan terhadap individu, pemilik premis, syarikat yang ingkar pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PPN yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Warga kota diminta untuk terus bekerjasama dengan menyalurkan maklumat kepada DBKL secara dalam talian melalui <https://adukl.dbkl.gov.my>," katanya.